

19/08/2003

Keng Yaik mahu terus terajui parti, kawasan

KUALA LUMPUR: Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik semalam menyatakan hasrat untuk terus mempertahankan kerusi Parlimen Beruas dan jawatan nombor satunya dalam parti itu.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat kerana beliau perlu memastikan kesinambungan berterusan khasnya pada saat-saat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bersara dan diambil alih oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, beliau tidak perlu mengikut jejak langkah bekas Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik kerana seseorang ahli politik tidak mempunyai had umur.

"Saya akan pergi apabila masa sesuai. Saya mungkin lama, tetapi masih muda. Saya hanya enam bulan lebih tua daripada Pak Lah.

"Ia tidak bermakna pemimpin parti lain meletak jawatan saya pun perlu ikut. MCA, Umno, MIC dan Gerakan adalah berlainan sama sekali.

"Peralihan kuasa perlu dilaksanakan dalam MCA kerana mereka menghadapi masalah dalaman parti," katanya yang juga Menteri Perusahaan Utama pada sidang media di kementeriannya di sini, semalam.

Beliau pernah menyuarakan hasratnya untuk bersara daripada politik tiga tahun lalu dan pada 2002, tetapi ditolak oleh Jawatankuasa Pusat (CC) Gerakan.

Dr Lim berkata, prestasi Gerakan tidak akan terjejas dengan adanya saingan daripada Pengerusi DAP, Lim Kit Siang dan timbalannya, Karpal Singh pada pilihan raya umum akan datang di Pulau Pinang memandangkan jenteranya sudah bersiap sedia.

Sementara itu, Dr Lim yakin parti itu dapat bekerjasama dengan pucuk pimpinan baru MCA yang diketuai Presidennya, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Beliau mengakui ada segelintir pemimpin dan ahli akar umbi yang hanya mementingkan diri tanpa menghiraukan kepentingan BN.